

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HMP 303 Psikologi Bahasa (Penerapan Kepada
Bahasa Melayu)

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM
DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Nyatakan perbezaan dan persamaan di antara pemerolehan bahasa pertama (B1) dengan pemelajaran bahasa kedua (B2).
2. Tulis nota pendek mengenai topik berikut:
 - [a] Hipotesis Nurani.
 - [b] Hipotesis Jangkamasa Kritikal.
 - [c] Hipotesis Poligenisis.
3. Ahli linguistik F. de Saussure membezakan di antara bahasa (language) dan pertuturan (la parole). Huraikan kedua-dua istilah tersebut dan kaitkan hubungannya dengan pernyataan yang dibuat oleh Chomsky mengenai keupayaan (competence) dan perlakuan (performance).
4. Bincangkan hubungan di antara bahasa dengan alam pemikiran manusia. Beri contoh-contoh yang sesuai dari bahasa Melayu selaras dengan pendapat-pendapat yang diketengahkan oleh Humboldt dan Sapir.

5. Pembelajaran bahasa kedua mempunyai motivasi tertentu, contohnya motivasi integratif dan motivasi instrumental. Bincangkan kedua-dua motivasi tersebut di dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
6. Kebanyakan ahli linguistik telah dipengaruhi oleh dua teori psikologi yang bertentangan, mentalisme dan behaviorisme di dalam usaha mereka menganalisis bahasa. Huraikan kedua-dua teori tersebut dan kaitkan keduanya dengan Bloomfield (1928) dan Jespersen (1922).
7. Menurut Lenneberg (1967) terdapat banyak bukti bahawa manusia memiliki warisan biologi semula jadi berupa kebolehan (propensiti) berkomunikasi dengan bahasa yang khusus untuk manusia (species specific) dan yang tidak ada hubungannya dengan kecerdasan dan pemikiran. Bincangkan.

-ooo000ooo-